



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**AKU BUKAN
HAMBA RAMADAN**



Tarikh Bacaan:
28 MAC 2025M / 27 RAMADAN 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Aku Bukan Hamba Ramadan

28 Mac 2025M/ 27 Ramadan 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قال الله تعالى : إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ سورة القدر

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Bertakwalah kalian kepada Allah dengan sebenar-benar ketakwaan. Semoga kita bakal mendapat balasan syurga Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* yang dijanjikan kepada orang yang menyerahkan diri kepada Allah.

Mimbar juga menyeru jemaah untuk memberi fokus sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Menurut Irsyad Fatwa Negeri Pulau Pinang, sunat hukumnya bagi orang yang mendengar khutbah untuk diam daripada berkata-kata dan tidak melakukan sebarang aktiviti selain mendengar khutbah.



Pada hari ini, mimbar akan membicarakan tajuk yang amat terkait dengan jemaah sekalian, iaitu “**Aku Bukan Hamba Ramadan**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*,

Ramadan adalah satu bulan ajaib yang menyaksikan umat Islam siang dan malam bertungkus-lumus mengisi masa dengan berpuasa, solat secara berjemaah, berzikir, berselawat dan membaca Al-Quran.

Buktinya, lihatlah perbezaan saf-saf solat subuh ketika Ramadan. Betapa imarahnya masjid-masjid dan surau-sarau kita pada waktu malamnya. Tidak pernah terjadi dalam mana-mana bulan, kita akan mendirikan solat sebanyak-banyaknya termasuklah solat-solat sunat *qabliyah* dan *ba'diyah*, solat fardu Maghrib dan Isyak, solat sunat tarawih dan witr. Waktu-waktu sebelum solat fardu pula, kita dapat menyaksikan ramai dalam kalangan kita hadir awal ke masjid untuk beriktikaf dan membaca Al-Quran.

Pada 10 malam terakhir pula, kebanyakan masjid dan surau seolah-olah sudah menjadi satu kemestian untuk menganjurkan *Qiyamullail* beserta sahur berjemaah.

Saudaraku sekalian. Bukan hanya ibadah *badaniah* yang kita dirikan, malahan kita dapat melihat sedekah atau infaq, sama ada dalam tabung-tabung masjid atau selainnya, wakaf dan sebagainya sangat hebat.

Ringkasnya, bulan ini siangnya kita berlapar dengan ibadah, malamnya kita kenyang dengan bersujud. Benarlah seperti disebut Ramadan ini adalah pesta ibadah. Tegasnya, semua ini bagi melatih jiwa,

emosi dan fizikal kita semuanya, untuk mendapat martabat takwa kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** semata-mata.

SIDANG TETAMU RAMADAN RAHIMAKUMULLAH,

Dalam 12 bulan, Ramadan hanya datang sebulan. Adakah kita hanya bersungguh-sungguh beribadah dalam bulan ini sahaja? Adakah kita hanya perlu jadi mukmin yang baik dalam bulan ini sahaja? Adakah kita hanya meninggalkan maksiat dalam bulan ini sahaja? Sedangkan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** tetap wujud lagi *qadim* (قَدِيم). Malaikat Raqib dan Atid sentiasa melaksanakan tugas merekod segala amalan kita. Dalam masa yang sama, sebagai manusia biasa, iman kita pula sentiasa menaik dan menurun.

Oleh sebab itu saudaraku sekalian, amalan-amalan soleh kita wajar diteruskan selepas berakhirnya Ramadan tahun ini. Sebagaimana Syawal kita dianggap sudah kembali kepada fitrah, diharapkan bulan-bulan yang lain yang akan kita tempuh juga, kita tetap dalam fitrah. Biarlah bulan-bulan selepas Ramadan tahun ini kita sentiasa bersih, bertambah-tambah keimanan dan mengekalkan amalan-amalan yang kita usahakan dalam bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan ini.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN.

Suka khatib ingatkan di atas mimbar yang mulia ini bahawa, perkara yang paling penting selepas Ramadan tahun ini adalah tentang “istiqamah”. Perkataan istiqamah ini sangat istimewa dalam agama kita.

Nabi **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** ada mengingatkan dalam sabda Baginda:

قُلْ: آمَنْتُ بِاللَّهِ، ثُمَّ اسْتَقِمَّ

Maksudnya: *“Katakanlah: aku beriman kepada Allah, kemudian istiqamahlah.”* (Hadis Riwayat Muslim)

Hadis ini jelas menunjukkan istiqamah adalah yang menjadi keutamaan kepada seorang mukmin setelah mendapat iman. Oleh sebab itu, Imam Hasan Al- Basri daripada kalangan tabi'in yang soleh, kerap memohon doa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* agar dikurniakan istiqamah dengan berdoa:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبُّنَا، فَارْزُقْنَا الْإِسْتِقَامَةَ

Maksudnya: *“Ya Allah Engkaulah Tuhan kami, maka kurniakanlah kami dengan istiqamah.”*

Para Salafus Soleh juga selalu berpesan dengan pesanan:

كُنْ رَبَّانِيًّا وَلَا تَكُنْ رَمَضَانِيًّا

Maksudnya: *“Jadilah hamba Allah, jangan jadi hamba Ramadan”.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Ingin khatib simpulkan khutbah hari ini dengan kesimpulan berikut:

Pertama, istiqamahlah beribadah seperti mana yang telah kita usahakan dalam bulan Ramadan. Bersolatlah di awal waktu, hadirkanlah diri di masjid dan surau, banyakkkan bilangan-bilangan zikir dan selawat setiap hari.

Kedua, tinggalkanlah perkara-perkara maksiat seperti mana yang kita lakukan dalam bulan Ramadan ini. Daripada leka menatap media sosial yang boleh mendatangkan maksiat mata dan telinga, utamakan menatap mushaf dan membaca Al-Quran, serta bahan-bahan bacaan yang berfaedah.

Ketiga, tetaplah menjadi muslim lagi mukmin yang penuh ketakwaan. Jangan sesekali bertolak ansur dengan hawa nafsu dan syaitan. Walau bulan silih berganti, di mana jua berpijaknya kaki, diberi rezeki tak henti-henti, moga kejayaan mengiringi serta dibalas dengan syurga-Nya yang hakiki.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا
بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝٣

Maksudnya: “Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran.”

﴿Surah al-Asr ayat 1 hingga 3﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk makluman semua, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.1/2025 telah memutuskan seperti berikut:

Nilai makanan asasi (*qut al-balad*: قُوتُ الْبَلَدِ) penduduk Pulau Pinang ialah **RM10.00**. Oleh yang demikian, kadar zakat fitrah secara umumnya bagi tahun ini di negeri Pulau Pinang ialah **RM10.00**. Manakala nilai yang lain adalah merujuk kepada kadar makanan diri sendiri (*qut al-nafs*: قُوتُ النَّفْسِ) iaitu:

Pertama: RM15.00 bagi kumpulan yang memakan beras rebus, *thai white rice*, beras perang atau yang setara dengannya;

Kedua: RM25.00 bagi kumpulan memakan beras jenis berkualiti tinggi seperti beras wangi, beras pulut, beras herba ponni, beras *calrose*, beras merah import dan beras basmathi atau yang setara dengannya.

Ketiga: RM7.00 bagi kumpulan yang memakan beras jenis super special tempatan 5%, beras hancur atau lain-lain jenis yang setara dengannya.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينِ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ فُولَاوِ فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بَعْنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG